

Peringkat Perkembangan Konsep Kendiri Mengikut Pandangan Erikson Dan Peranan Perkembangan Kognitif Dalam Pembentukan Konsep Kendiri (Part 3)

Hasmadi Bin Hassan

2.2 Peringkat perkembangan konsep kendiri Erikson

Erik Erikson percaya bahawa manusia berpotensi untuk perkembangan psikologi yang sihat. Beliau berpendapat manusia berupaya mengatasi kesulitan-kesulitan yang timbul dari semasa ke semasa pada peringkat-peringkat perkembangan yang tertentu.

Beliau telah mengenal pasti lapan peringkat dalam perkembangan konsep kendiri manusia. Bagaimanapun, empat peringkat pertama mempunyai perkaitan rapat dengan konsep Freud mengenai peringkat oral, phallic dan latency. Erikson didapati kurang memberi penekanan kepada aspek seksual berbanding Freud di mana beliau lebih menekankan aspek sosial. Lapan peringkat yang beliau maksudkan ialah :

2.2.1 Peringkat Oral-sensori / Kepercayaan lawan ketidakpercayaan (0-18 bulan).

Peringkat pertama ini mempunyai kaitan dengan konsep Freud tentang peringkat mulut (oral) dan berlaku pada tahun pertama kelahiran. Peringkat perkembangan ini adalah amat penting. Apa yang berlaku pada peringkat ini akan mempengaruhi perkembangan bayi melalui pengalaman-pengalamannya. Dia akan belajar untuk mempercayai atau tidak mempercayai akan orang lain. Ini akan mempengaruhi pula sikapnya terhadap hidup dan interaksinya dengan orang lain.

Menurut Erikson lagi, kepercayaan akan memudahkan individu menghadapi seta mengatasi masalah-masalah dalam hidup seseorang. Sebaliknya ketidakpercayaan akan menghalang atau melemahkan keupayaan seseorang mengatasi kesulitan-kesulitan yang dilalui. Kepercayaan adalah teras kepada keimanan. Konsep ini amat bertentangan dengan Freud yang menganggap bahawa kepercayaan agama adalah satu delusi yang tidak sihat yang menghalang manusia dari berdepan dengan realiti.

CONTINUE...